



Kelantan memanfaatkan pendekatan terkini perkasakan undang-undang Syariah

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SAFAR 1447H | 27-31 JUL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Kuala Krai bakal ada sekolah berasrama penuh SMKA

Larian Malam tarik 1,000 anak muda sertai program masjid

Hukum Islam bersifat mendidik, bukan hanya menghukum – MB Kelantan

Dasar kesenian patuh syariah perkasakan seni budaya Kelantan – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 27 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus mengangakat seni budaya berteraskan syariat melalui pelaksanaan Dasar Kesenian Negeri Kelantan yang digubal selaras dengan strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI), kata Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurut beliau, dasar tersebut dirangka bagi memastikan setiap bentuk persembahan dan aktiviti kesenian yang dianjurkan tidak bertentangan dengan hukum Islam, sebaliknya menjadi medan dakwah dan pembentukan sahsiah masyarakat.

“Kerajaan Negeri menetapkan prinsip-prinsip utama yang menjadi panduan kepada semua penganjur dan penggiat seni agar segala apresiasi seni bukan sahaja tidak melanggar batas agama, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni dan berakhlak,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutup Festival Kesenian Rakyat Kelantan 2025 di Pantai Irama, di sini, semalam.

Tambah beliau, pendekatan



strategik melalui kerjasama agensi kerajaan negeri dan persekutuan telah mula menampakkan hasil apabila golongan penggiat seni di Kelantan memberikan respons positif terhadap pelaksanaan kesenian patuh syariah.

“Salah satu pencapaian yang boleh dibanggakan ialah kejayaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan (JKKNK) memperkenalkan Mak Yong Patuh Syariah, hasil penyesuaian semula karya warisan ini agar menepati tuntutan agama.”

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua penggiat

seni tradisional seperti dikir barat, wayang kulit, dan lain-lain yang menyokong penuh Enakmen Kawalan Hiburan Negeri Kelantan 1990 serta usaha memperkasakan seni budaya secara berlandaskan nilai-nilai Islam.

Menteri Besar yakin pendekatan tersebut akan memperkukuh kedudukan budaya Kelantan bukan sahaja di peringkat nasional, malah berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa melalui kreativiti seni yang berkualiti dan profesional.

“Saya berharap Festival Kesenian Rakyat Kelantan akan diterus-



Kerajaan Negeri menetapkan prinsip-prinsip utama yang menjadi panduan kepada semua penganjur dan penggiat seni agar segala apresiasi seni bukan sahaja tidak melanggar batas agama, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni dan berakhlak,”

kan setiap tahun kerana ia memberi impak besar terhadap pengukuhan seni budaya negeri dan pembangunan insan menerusi ekspresi seni berlandaskan syariat,” jelasnya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Dato' Mohd Yusri Yusof, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor, Ahli Dewan Negeri Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin, Ketua Pengarah JKKN Amran Haris serta Ketua Jajahan Bachok Mohd Zaki Yusuf.



Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Nassuruddin Daud

Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Nassuruddin Daud

Kelantan manfaatkan pendekatan terkini perkasakan undang-undang Syariah

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 27 Julai – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkasakan undang-undang Syariah menerusi pelbagai pendekatan terkini, selari dengan dasar pentadbiran Islam yang menjadi teras pemerintahan negeri-negeri SG4.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata demikian ketika mengulas penyertaannya dalam Wacana Pemerkasaan Syariah SG4: Memartabat Islam, Memperkasakan Syariah yang berlangsung di Dewan Aminuddin Baki, Wisma Sejarah, di Kuala Lumpur, pada Sabtu.

Menurut beliau, wacana anjuran Kluster Pemerkasaan Syariah SG4 dengan Kerjasama ILMUWAN itu berjaya menghimpunkan tokoh-tokoh dan pemikir Islam dari seluruh negara bagi membincangkan hala tuju serta kerangka besar



pelaksanaan Syariah dalam konteks negeri-negeri SG4 iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

“Syabas kepada pihak penganjur atas usaha murni ini. Sesi diskusi dan ulasan oleh Exco Agama negeri-negeri SG4 secara forum turut membuka ruang kepada perkongsian pengalaman berkaitan pemerkasaan Syariah berdasarkan bidang tugas dan pendekatan masing-masing,” ujarnya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, usaha memperkukuh pelaksanaan Syariah

bukan sahaja dilihat dari aspek perundangan, tetapi merangkumi kefahaman, pentadbiran, pendidikan serta penghayatan dalam kehidupan rakyat secara menyeluruh.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Eksekutif SG4 YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan. Dua pembentangan utama turut diadakan oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam UTMKL Prof. Madya Dr. Muhammad Fathi Yusof dengan tajuk Kerangka Pelaksanaan Syariah dan Penyeragaman Pentadbiran Islam, serta Timbalan Dekan Akade-



mik Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia & Perbandingan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr. Norhafilah Musa yang membentangkan kertas kerja bertajuk Hala tuju Pemerkasaan Syariah SG4.

YB Mohd Asri berharap wacana berkenaan menjadi titik tolak kepada kesepakatan antara negeri-negeri SG4 dalam memperkukuhkan dasar Islam serta memartabatkan undang-undang Syariah sebagai asas keadilan dan kesejahteraan rakyat.

Kuala Krai bakal ada sekolah berasrama penuh SMKA



Oleh: Norzana Razaly

KUALA LUMPUR, 30 Julai – Jajahan Kuala Krai bakal menerima sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersetuju menghantar cadangan rasmi bagi pembinaan sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di kawasan itu.

Menurut jawapan rasmi Menteri Pendidikan YB Fadhlina Sidek dalam soalan lisan di Dewan Rakyat sebagai jawapan kepada pertanyaan Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman pada 21 Julai lalu, KPM memandang serius cadangan berkenaan dan akan

mempertimbangkan pelaksanaannya berdasarkan keutamaan semasa serta kemampuan kewangan negara.

“KPM tetap komited dalam memperluas akses pendidikan berkualiti melalui pembangunan institusi lain. Dalam hal ini, KPM merancang pembinaan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Kuala Krai, Kelantan, yang telah disenaraikan dalam Rolling Plan ke-1 (RP1) di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Walau bagaimanapun, kelulusan projek ini tertakluk kepada pertimbangan keutamaan serta kedudukan kewangan semasa ker-

ajaan,” katanya.

Menurutnya lagi, sehingga kini, terdapat lima buah SBP di negeri Kelantan iaitu Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra di Pengkalan Chepa, Sekolah Menengah Sains Machang, Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh, Sekolah Menengah Sains Jeli dan Sekolah Menengah Sains Gua Musang.

Dalam pada itu, KPM turut memaklumkan bahawa pembinaan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Tanah Merah sedang dijalankan dengan kemajuan

kerja mencecah 89 peratus, dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2026.

Mengulas perkembangan itu, YB Abdul Latiff menzahirkan penghargaan terhadap KPM dan menyifatkan langkah tersebut suatu yang positif memandangkan Kuala Krai masih belum mempunyai SBP.

“Kita berharap agar pihak kerajaan dapat menyenaraikan projek SMKA di Kuala Krai dalam RP1 dalam RMK-13 yang akan dibentangkan esok,” katanya ketika dihubungi, hari ini.



Kegiatan sastera mampu pacu pelancongan, perkasakan sosioekonomi Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 26 Julai – Kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kebudayaan di Kelantan kini bukan sahaja mencorak wajah kesusasteraan negeri, bahkan turut menyumbang secara langsung kepada sektor pelancongan dan pemerkasaan sosioekonomi rakyat.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, jangkauan aktiviti kesusasteraan dan kebudayaan anjuran NGO Kelantan seperti Gabungan Penulis-penulis Muda Kelantan (GEMA) kini telah melangkaui sempadan negeri dan merentasi Semenanjung Malaysia.

Antaranya, pemenang pertama kategori cerpen ialah Rohaidah Yon dari Johor manakala pemenang kedua, Hafshah Samsuri dari Selangor.

“Sayembara penulisan yang diadakan di Kelantan telah menarik penyertaan dari seluruh negara. Para pemenang hadir ke Kota Bharu bagi menerima hadiah, dan dalam masa yang sama membawa ahli keluarga bersama untuk melancong dan membeli-belah di negeri ini.

“Hal ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi tempatan,” katan-



ya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Penulisan Negeri Kelantan dan Pelancaran Buku-buku Terbitan GEMA 2025 di Gelanggang Seni di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, kegiatan sastera dan seni ialah medan untuk menghidupkan nilai kemanusiaan dan membentuk masyarakat yang peka terhadap perasaan, emosi dan sentimen insan.

“Sasterawan, penyair dan penulis dianugerahkan kepekaan yang tinggi terhadap nilai-nilai kemanusiaan. Mereka mengekspresi melalui bentuk paling seni iaitu sajak, cerpen dan karya kreatif lain. Inilah yang memperkayakan kehidupan

kita,” katanya.

Datuk Kamarudin turut menegaskan bahawa kebebasan untuk berkarya dan hidup dalam masyarakat merupakan satu nikmat yang besar, berbanding kehidupan yang terasing dan sempit yang diumpamakan seperti hukuman.

“Itulah sebabnya manusia menolak kehidupan terpenjara kerana ia menyekat hakikat fitrah yang mahu bebas, bersuara dan bersosial,” ujarnya.

Beliau memuji peranan aktif GEMA dan persatuan penulis lain yang disifatkan berjaya menganjurkan kegiatan amar makruf dalam kerangka kebudayaan yang seimbang dan membina.

“Sastera ini misi yang membawa perkara yang maaruf. Apabila




yang maaruf subur dan menonjol, lama-kelamaan perkara mungkar akan terhakis,” katanya.

Dalam ucapannya, beliau turut mengimbas pengajaran daripada surah al-Syu‘arā’, ayat 225-227 yang menyentuh perihal ahli syair yang sesat dan merayau-rayau, kecuali mereka yang beriman, beramal soleh, mengingati Allah dan membela diri apabila dizalimi.

“Ini pendekatan sederhana yang kita pegang untuk menjadi umat yang terbaik sebagaimana yang disebut dalam al-Quran,” tegas beliau.

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran empat buah buku terbitan GEMA bagi tahun 2025 iaitu antologi puisi Suara Lorong Sunyi, antologi cerpen Pintu, antologi rencana Pena Digital dan Hati Manusiawi Menulis Dalam Era Kecerdasan Buatan dan antologi IndahNya Kelantan.

Seterusnya Datuk Kamarudin menyampaikan hadiah kepada para pemenang kategori puisi, cerpen dan rencana sayembara penulisan yang menghimpunkan karya-karya bermutu daripada penulis tanah air dalam majlis anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dan GEMA dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBP-WT).



MAIK-SecurePay laksana transformasi e-Jariah Negeri Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 30 Julai 2025 – Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Syarikat SecurePay Sdn. Bhd. menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk pembangunan dan pelaksanaan dua sistem digital kutipan sedekah iaitu e-Jariah Masjid dan Kempen Sedekah Seriya Sehari bagi tujuan memperkukuh amalan infaq secara dalam talian yang mudah, telus dan selamat.

Majlis pemeteraian tersebut disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua MAIK Dato' Mohd Anis Hussein dan Pengarah Eksekutif SecurePay Sdn. Bhd. Datuk Ts. Amir Haris Ahmad di sebuah hotel, di sini, hari ini.

MoU berkenaan disaksikan oleh Tengku Temenggong Kelantan merangkap Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz.

Menurut beliau, melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), SecurePay menyumbangkan pembangunan sistem bernilai RM460,000.00 bagi dua inisiatif



utama iaitu pertama, e-Jariah Masjid yang melaksanakan sistem kutipan sedekah kepada 621 buah masjid seluruh Kelantan, termasuk Masjid Negeri, Masjid Bandar, Masjid Jajahan dan Masjid Mukim.

Kedua, Kempen Sedekah Seriya Sehari yakni inisiatif galakan rakyat Kelantan di mana jua berada menyumbang serendah RM1 sehari kepada Dana Awam Baitulmal MAIK.

“Sistem ini boleh diakses melalui laman sesawang dan aplikasi mudah alih ini menggunakan kaedah pembayaran FPX bagi membolehkan masyarakat melaksanakan sumbangan secara real-time dan menerima resit transaksi secara automatik. Ia turut menyediakan fungsi carian masjid mengikut lokasi dan dash-

board pemantauan oleh pihak pengurusan MAIK,” katanya menerusi satu kenyataan.

Majlis pelancaran rasmi platform e-Jariah Masjid telah diadakan pada 20 Februari 2025 sempena Sidang Media Laporan Khas Kutipan dan Agihan MAIK di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana Kota Bharu.

Menurut kenyataan itu lagi, inisiatif digital tersebut memudahkan masyarakat menyalurkan sedekah secara konsisten dan menyemai budaya infak sebagai amalan berterusan yang memberi impak besar kepada kesejahteraan umat.


“Walaupun Kempen Sedekah Seriya Sehari hanya menyoasarkan komitmen serendah RM1 sehari, ia membawa potensi besar dalam membantu golongan memerlukan

tanpa mengira latar belakang agama dan kaum, di luar kategori penerima zakat,” jelas MAIK.

Sementara itu, Datuk Ts. Amir Haris pula menyatakan bahawa penyediaan platform berkenaan sejajar dengan aspirasi ke arah digitalisasi pengurusan dana kebajikan Islam serta memperluas capaian infaq kepada masyarakat global.

MAIK merakamkan penghargaan kepada pihak SecurePay atas sumbangan signifikan itu yang diyakini dapat memperkukuh lagi sistem tadbir urus sedekah di negeri ini yang memberi manfaat jangka panjang kepada seluruh masyarakat, serta memperkukuh kepercayaan orang ramai terhadap ketelusan dan kecekapan pengurusan dana awam berasaskan prinsip syariah.

Larian Malam tarik 1,000 anak muda sertai program masjid



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 31 Julai – Program Larian Malam “Night Run” anjuran Masjid Jamek Muhammadi Kota Bharu mencatat sejarah tersendiri apabila menerima penyertaan hampir 1,000 peserta, meningkat lebih dua kali ganda berbanding edisi sebelumnya yang hanya disertai sekitar 400 peserta.

Exco Belia, Sukan, NGO dan

Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menyifatkan sambutan luar biasa itu sebagai petunjuk jelas sokongan padu generasi muda terhadap aktiviti berbentuk keagamaan dan komuniti yang dianjurkan oleh institusi masjid.

“Tanpa ganjaran wang tunai atau hadiah cabutan bertuah berskala besar, program ini tetap berjaya menarik hampir seribu anak muda. Ini satu perkembangan yang sangat

positif,” katanya menerusi kenyataan di media sosial, hari ini.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada pengurusan Masjid Jamek Muhammadi yang disifatkannya berjaya merangka pendekatan kreatif dan inklusif dalam usaha mendekatkan golongan muda kepada institusi masjid.

Program Night Run yang berlangsung malam tadi sempena Karnival Kelantanku Cakna dimulakan

dengan solat Isyak berjemaah, diikuti bacaan surah al-Mulk dan solat hajat sebelum peserta memulakan larian malam di sekitar kawasan bandar Kota Bharu.

“Sambutannya memang luar biasa daripada anak muda kita. Ini membuktikan, jika program diolah dengan pendekatan yang sesuai, masjid mampu menjadi pusat perpaduan dan tarikan utama anak muda,” ujarnya.

Menutup kenyataannya, beliau menyampaikan penghargaan penuh semangat kepada semua yang terlibat sambil menyeru, “Sek kito jange ppecoh!”

Program tersebut juga mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk sukarelawan belia dan komuniti setempat, menjadikannya antara pengajuran masjid yang paling berjaya melibatkan anak muda Kelantan dalam kalendar tahun ini.

Hari Warga Emas Kelantan 2025 disambut meriah, peranan warga emas dihargai

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 30 Julai – Sambutan Hari Warga Emas Kelantan 2025 sempena Hari Sayyidatina Khadijah (HSK 2025) disambut meriah dengan kehadiran warga emas dari seluruh negeri Kelantan.


YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob dalam ucapan perasmianya menekankan betapa pentingnya peranan warga emas dalam masyarakat, khususnya dalam membimbing generasi muda.

“Warga emas hendaklah mengambil tahu dan menasihati anak-anak muda yang menghadapi pelbagai cabaran semasa. Contohnya dalam mengakses maklumat dalam media sosial, warga emas boleh menasihati agar memilih maklumat yang berfaedah sahaja,” kata beliau di Dataran Masjid Muhammadi, hari ini.

Tambahnya, peranan warga emas tidak terhenti walaupun sudah berumur, bahkan amat penting sebagai pemberi nasihat dan panduan hidup kepada golongan muda melalui pelbagai platform seperti jawatankuasa masjid dan komuniti setempat.

Beliau turut menyarankan warga emas agar mempunyai jadual harian yang teratur serta mengamalkan gaya hidup sihat bagi melayari saki baki kehidupan dengan penuh bermakna. Antara amalan sihat yang dicontohkan beliau termasuk membaca terutamanya al-Quran, berfikir, bercakap dan bersenam untuk kekal cergas secara fizikal dan mental.

Sementara itu, Timbalan Exco



Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zin dalam ucapan alu-aluannya, berkata bahawa sambutan Hari Warga Emas ini merupakan manifestasi penghargaan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap sumbangan warga emas.

“Sambutan ini bertujuan untuk memberi motivasi kepada warga emas agar dapat terus memainkan peranan yang penting sebagai agen pembangunan masyarakat sehingga akhir usia.

“Terima kasih kepada warga emas yang hadir dan tidak hadir pada hari ini yang menjadi agen pembangunan masyarakat,” ujarnya.

YB Nor Asilah turut menekankan pentingnya tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa, dan menolak konsep menyerahkan tugas menjaga warga emas kepada pihak ketiga seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Kita tidak mahu kes-kes peng-

abaian warga emas berulang sehingga ada yang meninggal dunia bersendirian,” tegasnya.

Untuk rekod, di Kelantan setakat suku kedua 2024, seramai 132,300 orang atau tujuh peratus daripada 1.89 juta penduduk adalah warga emas. Dari segi jangka hayat, wanita di Kelantan mencatatkan umur 74.8 tahun manakala lelaki 69.5 tahun.

Majlis hari ini turut menyaksikan pelancaran Skim Warga Emas Mukramun yang merupakan satu inisiatif julung kali diperkenalkan sebagai bukti kecaknaan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap kebajikan warga emas, meskipun negeri ini sering dilabel sebagai negeri miskin.

Skim tersebut adalah kesinambungan kepada Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan yang digubal pada tahun 2022.

Dasar berkenaan memberi tumpuan menyeluruh dari aspek pendidikan, perlindungan, pembangu-

“

Warga emas hendaklah mengambil tahu dan menasihati anak-anak muda yang menghadapi pelbagai cabaran semasa. Contohnya dalam mengakses maklumat dalam media sosial, warga emas boleh menasihati agar memilih maklumat yang berfaedah sahaja,” kata beliau di Dataran Masjid Muhammadi,”

nan, kesihatan dan kebajikan warga emas, dengan tema “Budi Ditanam, Jasa Dikenang, Mulia Sejahtera Sepanjang Masa”

Program Sambutan Hari Warga Emas turut diserikan dengan pelbagai aktiviti melibatkan generasi muda dan warga emas, termasuk sukan antara generasi dan senaman warga emas (Senamas), forum yang bertajuk “syukur dan sabar” serta penyerahan Skim Warga Emas Mukramun

Hadir sama, Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah, Penasihat Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Negeri Kelantan (PURNAMA) Datin Bentara Kanan Datin Zabedah Abdul Hamid, Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN), Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-Kekwa) Ilvira Mohd Dasuki dan Imam Tua Masjid Muhammadi Hairul Azizi Mokhtar.



Hukum Islam bersifat mendidik, bukan hanya menghukum – MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Julai – Hukum Islam bukan semata-mata bersifat menghukum tetapi lebih kepada mendidik dan memperbaiki masyarakat, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurut beliau, pelaksanaan hukum Islam bertujuan membina rasa tanggungjawab individu dan masyarakat terhadap Allah SWT. Malah, ia juga membuka ruang kepada perubahan positif serta memberi peluang kepada pesalah untuk memohon keampunan dan meraih rahmat Ilahi.

“Masyarakat boleh dibahagikan kepada dua kategori; satu yang boleh dididik melalui seruan dakwah dan kebaikan, dan satu lagi hanya boleh dididik melalui pencegahan serta amaran.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Sambutan Hari Hududullah Peringkat Negeri Kelantan 1447H/2025M di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan,



wan, Kompleks Islam Panji, di sini, pada Khamis.

Beliau turut menegaskan bahawa penguatkuasaan undang-undang syariah di negeri ini perlu dilaksanakan secara adil, telus dan berintegriti, selari dengan prinsip kaedah fiqh “kemudaratan mestilah dihilangkan.”

“Peranan ini digalas oleh jabatan-jabatan berautoriti seperti Bahagian Undang-Undang Syariah JAHEAIK, Jabatan Pendakwaan Syariah dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan yang menjalankan siasatan, pendakwaan serta pelaksanaan hukuman,” ujarnya lagi.

Tambah beliau, keistimewaan

sistem keadilan Islam memberi ruang kepada pesalah untuk bertaubat dan memperbaiki diri, seterusnya menjadi muslim yang lebih baik dengan bimbingan pihak berkuasa.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud berkata, pelaksanaan hukum Allah perlu dilihat dari sudut pendidikan dan bukan semata-mata untuk menghukum.

“Walaupun secara zahirnya hukum ini dilihat seperti satu bentuk hukuman atau penderaan, namun hakikatnya ia merupakan satu proses pendidikan yang bertujuan mendidik masyarakat agar menjauhi ke-

munggaran,” jelas beliau.

Jelasnya lagi, hukum Allah SWT diturunkan bukan sahaja untuk menjamin kesejahteraan umat Islam, malah untuk seluruh makhluk termasuk jin dan lain-lain sebagai satu langkah pencegahan terhadap pelbagai bentuk kesalahan.

Untuk rekod, sambutan Hari Hududullah peringkat Negeri Kelantan tahun ini merupakan penganjuran kali ke-20 sejak mula diperkenalkan. Program tahunan ini bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman kepada rakyat Kelantan mengenai pelaksanaan hukum Islam serta memperkukuh usaha bersama dalam menegakkan syiar Islam di negeri ini.

Hari Iqra' 2025: Membaca pacu pemikiran, pandu perubahan



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 31 Julai – Membaca ialah senjata utama yang memacu pemikiran dan memandu ke arah perubahan dalam menghadapi cabaran dunia moden yang sarat dengan maklumat dan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Demikian kenyataan Exco Beliau, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Kelantan YB Zamakhshari Muhamad ketika merasmikan Majlis Hari Iqra' dan Pesta Buku Darulnaim 2025 yang berlangsung di Mydin Mall, Tunjong, di sini, hari ini.

Beliau yang mewakili Men-

teri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata tema sambutan tahun ini, “Membaca Menyatukan Semua”, amat bertepatan dengan landskap semasa yang penuh cabaran maklumat dan teknologi.

“Tema sambutan tahun ini bukan sekadar slogan tetap satu keperluan mendesak dalam membina masyarakat yang celik maklumat dan berdaya saing.

“Dalam dunia yang penuh maklumat sama ada benar atau palsu, membaca menjadi benteng awal untuk menilai, memahami dan mem-

buat keputusan yang bijak.

“Membaca bukan sekadar mengenal huruf, tetapi membina pemikiran kritis dan kreatif,” katanya.

Tambahnya, dalam era teknologi AI yang semakin canggih, manusia hanya akan menjadi pengguna pasif tanpa asas ilmu dan budaya membaca yang kukuh.

“AI boleh menulis, menganalisis dan membuat keputusan, tetapi tanpa kekuatan ilmu, kita hanya akan mengikut arus bukan memimpinnya. Hanya mereka yang membaca dengan mata hati mampu mencorak perubahan,” tegasnya.

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran antologi cerpen Pucuk Ubi Kayu terbitan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) sebagai usaha memperkasa karya kreatif tempatan dan menyemarakkan semula kesusasteraan rakyat berteraskan nilai tempatan.

Seterusnya, beliau yang juga Pengerusi PPAK menyampaikan Anugerah Buku Fiksyen dan Bukan Fiksyen 2025 kategori kanak-kanak dan dewasa yang mengiktiraf kece-merlangan karya penerbitan negeri.

Antaranya, kumpulan cerpen Menunggu Kudup Seroja Berkembang karya Nik Zainun Nik Abu Bakar yang merangkul anugerah Kategori Buku Fiksyen Dewasa.

Pesta Buku Darulnaim 2025 berlangsung selama lima hari, menghimpunkan penerbit tempatan dan nasional, aktiviti interaktif keluarga serta program galakan membaca melibatkan sekolah, institusi pengajian tinggi dan penerbitan swasta.

Sambutan Hari Hududullah bukti kesungguhan Kelantan martabat syariat Islam

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 28 Julai – Sambutan Hari Hududullah yang diadakan setiap tahun membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri Kelantan dalam memartabatkan syariat Islam sebagai asas kepada pentadbiran negeri.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, program yang diadakan saban tahun itu sentiasa menampilkan pendekatan yang segar dan relevan mengikut perkembangan semasa negara.

“Program ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman masyarakat terhadap keindahan dan keadilan undang-undang Islam, tetapi juga menjadi medan penting untuk mengajak rakyat lebih cakna terhadap pelaksanaan syariah di negeri Kelantan.

“Program ini juga menjadi sebuah medan yang sangat bermakna untuk memperkukuhkan pemahaman masyarakat terhadap keindahan dan keadilan undang-undang Islam.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan Hari Hududullah 1447H peringkat Negeri Kelantan di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Panji Kota Bharu pada Khamis.

Program sambutan hari Hududullah juga merupakan suatu bentuk penegasan bahawa kerajaan negeri menolak dan sesekali tidak mengiktiraf segala bentuk budaya dan amalan yang bercanggah dengan tuntutan syariah Islam, sambil mendidik masyarakat agar kembali kepada fitrah dan menjunjung tinggi hukum-hukum Allah sebagai asas kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.



Katanya lagi, sejak tahun 1990, dasar Membangun Bersama Islam (MBI) terus menjadi tunjang sebagai dasar pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sehingga ke hari ini yang dipacu dengan strategi Penghayatan Membangun Bersama ISLAM (PMBI) berteraskan kepada tiga prinsip utama iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI).

Selain itu, Kerajaan Negeri Kelantan juga memperkenalkan

pelbagai dasar sokongan untuk menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang aman, makmur dan harmoni.

“Antaranya dasar pencegahan gejala sosial yang bertujuan untuk mengawal, memandu arah, mendidik, mencegah dan merawat penularan gejala-gejala sosial yang boleh membawa kepada kemungkaran dan kemaksiatan serta mengundang kemurkaan Allah SWT,” ujarnya.

Tambah beliau lagi, kerajaan negeri juga terus berusaha untuk melaksanakan undang-undang Islam yang merupakan sebahagian syariat Islam yang syumul melalui undang-undang yang dikehendaki oleh Allah SWT sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran dan as-Sunnah.

“Undang-Undang ini diperjuangkan dan ditegakkan oleh

Kerajaan Negeri Kelantan secara konsisten kerana ia menjamin keadilan, ketenteraman dan keselamatan umat manusia yang sebenar-benarnya.

“Ia merangkumi akidah (kepercayaan), syariat (perundangan), akhlak dan seluruh aspek kehidupan manusia yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan hidup yang sempurna.

“Hasilnya masyarakat dapat mengecapi kehidupan yang lebih aman, bahagia dan sejahtera,” ujarnya.

Dalam program tersebut turut diadakan seminar khas al-Uqubah fi as-Asyariati Islamiyyah “Rotan dan Restoratif” mendidik atau menzalimi yang menampilkan Pen-syarah Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Prof Madya Dato' Dr Shamrahayu Abdul Aziz, Dr. Hajah Hanan dari Brunei Darussalam dan YB Nik Bahrum bertindak sebagai moderator.

Hadir sama, Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Dr. Mohd Amar Abdullah, mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Yakob, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daud.



Hari Sayyidatina Khadijah tanda penghargaan kepada wanita – Menteri Besar

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Julai – Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) merupakan satu manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada golongan wanita tanpa mengira peranan mereka sama ada sebagai ibu, isteri, anak mahupun srikandi masyarakat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang, Ustaz Dato' Mohd Nassruddin Daud berkata sambutan itu memberi ruang untuk menzahirkan jasa dan pengorbanan wanita dalam membina institusi keluarga, memacu pembangunan masyarakat serta menyumbang kepada kemajuan negeri yang dicintai ini.

“Sesungguhnya wanita merupakan insan hebat yang memainkan peranan penting dalam pelbagai lapangan kehidupan dan harus sentiasa dihargai atas sumbangan mereka.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan HSK 2025, di Dataran Masjid Muhammadi di sini, hari ini.

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran Karnival Kelantanku Cakna 2025, sebagai satu platform untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif kebajikan rakyat yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.



Menteri Besar menegaskan bahawa kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan pentadbiran negeri di bawah dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang kini telah memasuki usia 35 tahun.

“Kerajaan negeri tidak pernah menyisihkan rakyat, malah sentiasa cakna dan mendahulukan kehendak serta keperluan mereka. Karnival ini harus dimanfaatkan untuk mempamerkan segala usaha kebajikan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri, sekaligus membuktikan bahawa Kelantan sentiasa menjuarai isu rakyat,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan bahawa Islam telah lama mengiktiraf kedudukan wanita, jauh lebih awal daripada gerakan pemikiran Barat yang memperjuangkan hak wanita atas dasar ke-

bebasan mutlak.

“Islam telah membela wanita sejak lebih 1,400 tahun lalu. Syariat Islam mengangkat martabat wanita yang dahulunya dianggap rendah pada zaman jahiliyyah sehingga selepas kematian suami pun, nasib mereka ditentukan oleh keluarga suami,” katanya.

Beliau berkata, Islam datang membawa pembaharuan besar apabila memberikan hak, penghormatan dan tempat yang sewajarnya kepada wanita sebagai pelengkap kepada kaum lelaki.

Tambah beliau lagi, gerakan hak wanita moden dari barat yang kononnya membela kebebasan wanita sebenarnya mempunyai agenda tersirat yang boleh memesongkan akidah umat Islam.

“Islam meletakkan wanita pada kedudukan yang tinggi dan mulia.

Mereka bukan lagi hamba seperti zaman jahiliyyah, tetapi insan istimewa yang memiliki hak dan tanggungjawab dalam masyarakat,” tegas beliau.

Dalam majlis itu juga, diadakan anugerah tokoh Sayyidatina Khadijah kepada dua tokoh wanita hebat Profesor Madya Datuk Dr Shamrahayu Abdul Aziz menerima anugerah tokoh Sayyidatina Khadijah al-Khuwailid. Manakala Hajjah Rahimah Nik Idris menerima anugerah tokoh al-Khansa Amru.

Kedua-dua tokoh menerima satu dinar emas, sijil, trofi, kerongsang HSK, telekong solat tajaan Pertubuhan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Negeri Kelantan (PURNAMA), al-Quran tajaan E-Nor, sumbangan produk kreatif daripada Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) Pasir Pekan dan Jelawat, makanan sunnah dan sejambak bunga.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim dan timbalannya YB Nor Asilah Mohamed Zin, Yang Dipertua PURNAMA Datin Panglima Perang, Datin Wan Nor Hanita Wan Yaacob, Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN), ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan dan imam tua Masjid Muhammadi Kota Bharu.





Sambutan Hari Hududullah bukti kesungguhan Kelantan martabat syariat Islam

KAO 2025: Pentas bakat muda golf, tarikan pelancongan sukan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 28 Julai – Kejohanan Golf Terbuka Amatur Kelantan (Kelantan Amateur Open - KAO) 2025 edisi ke-48 yang berlangsung dari 26 hingga 28 Julai di Kelantan Golf & Country Club (KGCC) menjadi platform penting dalam mencungkil bakat muda dalam sukan golf dan memberi impak positif terhadap pelancongan sukan di Kelantan.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor menyifatkan penganjuran kejohanan berprestij tersebut sebagai langkah strategik dalam mencungkil dan membangunkan bakat muda di samping mengangkat sukan golf di peringkat negeri dan kebangsaan serta memperkukuh penglibatan komuniti setempat melalui Program Komuniti Golf anjuran Persatuan Golf Malaysia (Malaysian Golf Association – MGA).

“KAO 2025 bukan sahaja berjaya menghimpunkan pemain-pemain berbakat dari seluruh negara, malah memberi ruang kepada pembangunan atlet pelapis yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi. Inisiatif sep-



erti ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada sektor pelancongan sukan negeri Kelantan.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kejohanan Golf Terbuka Amatur Kelantan 2025 di KGCC, Pengkalan Chepa pada Ahad.

Kejohanan itu berjaya menarik penyertaan seramai 168 pemain, terdiri daripada 90 pemain tempatan dari Kelantan, 69 pemain dari luar Kelantan, serta sembilan pemain luar negara.

Menurut YB Datuk Kamarudin lagi, kejohanan berkenaan turut menjadi medan bagi mempromosi Kelantan ke seluruh Malaysia dan ke peringkat antarabangsa.

“Dengan kehadiran peserta dari

14 negeri serta luar negara, ia sekali gus meningkatkan keterlihatan Kelantan sebagai destinasi pelancongan sukan yang berpotensi tinggi,” ujarnya.

Selain pertandingan golf, pelbagai aktiviti sampingan berunsurkan kebudayaan juga diadakan sepanjang kejohanan berlangsung.

Antaranya pameran dan reruai jualan makanan tradisional serta seni warisan Kelantan seperti reruai chef keropok viral Tumpat, air balang dan kuih-muih tradisional dari Pasar Tani Pengkalan Chepa, serta demonstrasi pembuatan Wau Bulan oleh Kalimi Kite dan pameran keris serta senjata Melayu oleh Yie Taming Sari.

“

KAO 2025 bukan sahaja berjaya menghimpunkan pemain-pemain berbakat dari seluruh negara, malah memberi ruang kepada pembangunan atlet pelapis yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi. Inisiatif seperti ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada sektor pelancongan sukan negeri Kelantan.”

Para pengunjung juga dihiburkan dengan persembahan budaya seperti kertok dan rebana ubi oleh kumpulan Seri Budi Jati dari Ta-wang yang mempamerkan keunikan warisan seni negeri Kelantan kepada peserta dan pelawat dari luar.

Datuk Kamarudin turut merakamkan ucapan tahniah kepada pihak penganjur, KGCC dan MGA atas kejayaan menganjurkan kejohanan yang cemerlang dan berharap agar KAO dapat diteruskan sebagai acara tahunan.

“Semoga kejohanan ini mampu menjadikan Kelantan sebagai salah satu destinasi utama sukan golf dan rekreasi di Malaysia,” tambahn-ya.

